



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA
MAJLIS PEMBUKAAN TAHUN PERUNDANGAN 2023**

Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2023 akan diadakan pada 9 Januari 2023 (Isnin) bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Pada tahun 2022, Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2022 diadakan secara hibrid iaitu kehadiran tetamu secara fizikal di Istana Kehakiman, Putrajaya dan tetamu-tetamu lain hadir menyaksikan Majlis ini secara aplikasi zoom. Sebaliknya pada tahun ini, Malaysia telah memasuki fasa endemik yang membolehkan kehadiran secara fizikal sepenuhnya dan lebih kurang 600 tetamu jemputan dari dalam dan luar negara akan hadir.

Majlis pada tahun ini akan dihadiri oleh barisan tertinggi Badan Kehakiman Malaysia yang terdiri daripada YAA Tun Tengku Maimun Binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara, YAA Tan Sri Datuk Amar Abang Iskandar Bin Abang Hashim, Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman.

Pada tahun ini terdapat juga kehadiran daripada delegasi luar negara iaitu The Honourable Dr. Anwar Usman, S.H., M.H, Ketua Hakim Mahkamah Konstitusi Indonesia, H.E. Charles C. Jose, Pesuruhjaya Tinggi Filipina, dan H.E. Charles Hay MVO, Pesuruhjaya Tinggi British. Juga turut hadir adalah YB Tuan Ramkarpal Singh S/O Karpal Singh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang), YB Datuk Johari Bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat serta YBhg. Tan Sri Dato' Sri Razaruddin Bin Husain, Timbalan Ketua Polis Negara dan beberapa Pegawai Kanan Kerajaan yang lain.

Turut hadir adalah YBhg. Tan Sri Idrus Bin Harun Peguam Negara, Peguam Besar Negeri Sabah dan Peguam Besar Negeri Sarawak. Selain itu, Presiden Majlis Peguam Malaysia Presiden Persatuan Undang-undang Sabah, Presiden Persatuan Peguam Bela Sarawak, Pegawai Perundangan dan Kehakiman, peguam-peguam serta Ahli-ahli Akademik dari Universiti Tempatan.

Sepertimana tahun-tahun sebelumnya, terdapat ucapan-ucapan daripada YAA Ketua Hakim Negara, YBhg. Peguam Negara dan YBhg. Presiden Majlis Peguam untuk menyatakan refleksi dan aspirasi setiap Badan bagi tahun 2023 yang mana ia akan menjadi tonggak utama dalam sesebuah perancangan dan pelaksanaan misi bagi memastikan akses kepada keadilan dapat dicapai dan dilaksanakan bagi memperkasakan konsep keadilan dan pentadbiran kehakiman yang di Malaysia. Selain itu, akan terdapat juga tayangan video montaj Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2023 yang menyaksikan pencapaian yang telah berjaya dilaksanakan oleh Badan Kehakiman Malaysia bagi tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA**

Tarikh: 9 Januari 2023